

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : IPOH TIMOR

SOALAN:

YB. TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menaik taraf Jalan Pengkalan-Lahat, Ipoh kepada laluan dua hala (dual carriageway) untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Lahat – Pengkalan, Ipoh ialah merujuk kepada Jalan Persekutuan (Industri) FT3150 yang menghubungkan Jalan Lahat – Jalan Pengkalan – Simpang Pulai.

Kementerian ini mengambil maklum mengenai isu kesesakan yang berlaku di laluan tersebut terutama pada waktu puncak. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Perak untuk menentukan projek menaik taraf jalan FT3150 ini diberikan keutamaan yang tinggi oleh Kerajaan Negeri dalam senarai cadangan projek baru bagi Negeri Perak dalam RMKe-11 kelak. Skop projek ini melibatkan cadangan menaik taraf laluan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 12km melibatkan anggaran kos sebanyak RM45 juta.

Sekian, terima kasih.